

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR) 2021

A. MAKLUMAT WAKIL

1. **S: Apakah tujuan maklumat wakil diisi oleh pemohon BPR 2021?**
J: Tujuan maklumat wakil diisi adalah sebagai wakil bagi penunaian BPR 2021.
2. **S: Siapakah wakil yang layak didaftarkan semasa Permohonan BPR 2021?**
J: Wakil yang layak didaftarkan semasa permohonan BPR 2021 adalah seperti berikut:
i. Pasangan
ii. Ibu
iii. Bapa
iv. Anak
 - Anak Kandung
 - Anak Tiri
 - Anak Angkatv. Adik-Beradik
vi. Cucu
3. **S: Siapakah wakil yang dibenarkan atau layak untuk membuat penunaian BPR 2021?**
J: Wakil yang layak adalah:
i. Pasangan yang didaftarkan oleh pemohon di Bahagian B (Maklumat Pasangan) pada Borang BPR 2021; atau
ii. Wakil yang didaftarkan oleh pemohon di Bahagian D (Maklumat Wakil) pada Borang BPR 2021 dan mestilah terdiri daripada hubungan seperti jawapan bagi soalan No. 2.
4. **S: Berapakah had umur untuk melayakkan seseorang menjadi wakil?**
J: Tiada had umur kelayakan seseorang untuk menjadi wakil kepada penerima BPR 2021. Walau bagaimanapun, bagi wakil yang berusia 17 tahun ke bawah, dokumen seperti jawapan bagi soalan 6 perlu di bawa dan cap jari / tandatangan individu yang hadir bersama wakil perlu diperolehi semasa penunaian di kaunter BSN. Individu yang hadir bersama wakil mesti juga mempunyai pertalian dgn wakil di bawah umur berkenaan. Bukti pertalian dgn wakil mesti dikemukakan pada pihak bank.

5. **S: Saya Bukan Warganegara Malaysia tetapi menetap di Malaysia, adakah saya layak didaftarkan sebagai wakil?**

J: Ya, jika anda bukan Warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia, anda layak menjadi wakil sekiranya hubungan anda dan pemohon adalah terdiri daripada ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik / cucu yang menetap di Malaysia.

B. PENUNAIAN BPR 2021

6. **S: Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh wakil semasa penunaian BPR 2021 di BSN?**

J: Dokumen yang perlu dibawa oleh wakil yang didaftarkan adalah:
i. Kad pengenalan lama atau baru (asal atau salinan) pemohon; dan
ii. Kad Pengenalan / Pasport asal wakil; dan
iii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil (asal atau salinan);

Bil.	Hubungan Wakil	Dokumen Pengesahan Pertalian
1.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran pemohon
2.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; ATAU b. Sijil Lahir Anak
3.	Anak	Sijil Kelahiran Wakil (Anak)
4.	Anak Angkat	a. Sijil Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN; ATAU b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada Sijil Anak Angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Wakil (Anak Tiri); DAN b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Pemohon; DAN b. Sijil Kelahiran Wakil
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Wakil (Cucu); DAN b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Wakil

iv. Dokumen tambahan mengikut situasi pemohon yang tidak hadir untuk penunaian:
a. Surat Pengesahan Penjara / Pusat Serenti (salinan atau asal) jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti; atau
• Tempoh masa Surat Pengesahan:
➤ Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara; atau

- Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan berkenaan mesti bertarikh tahun semasa.
 - b. Surat Pengesahan Majikan yang mempunyai tarikh mula dan tamat bertugas sebagai yang menunjukkan bukti penerima berada diluar negara; atau
 - c. Surat pengesahan hospital jika pemohon menerima rawatan di hospital; atau
 - d. Surat pengesahan yang menunjukkan pemohon uzur atau tidak berdaya untuk bergerak; atau
 - e. Kad OKU
7. **S: Bolehkah saya menjadi wakil untuk membuat penunaian BPR 2021 bagi pemohon yang berada di luar negara dan tidak dapat pulang kerana keadaan semasa seperti Sekatan perjalanan Covid-19 dan kesulitan lain semasa tempoh pembayaran?**
- J: Wakil yang didaftarkan boleh membuat penunaian BPR 2021 dengan mengemukakan:
- i. Kad pengenalan lama atau baru (salinan) pemohon; dan
 - ii. Kad Pengenalan / Pasport asal wakil; dan
 - iii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil (rujuk Jawapan bagi soalan 6(iii)); dan
 - iv. Dokumen tambahan yang menunjukkan pemohon berada di luar negara
8. **S: Bolehkah saya membuat penunaian BPR 2021 bagi pemohon yang menghilangkan diri dan tidak boleh dikesan?**
- J: Wakil yang didaftarkan boleh membuat penunaian dengan mengemukakan:
- i. Dokumen yang membuktikan pemohon hilang seperti Laporan Polis, Akuan Sumpah atau sebarang dokumen yang boleh membuktikan mengenai status pemohon yang hilang; dan
 - ii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil [rujuk Jawapan bagi Soalan 6(iii)].
9. **S: Bolehkah saya menjadi wakil untuk membuat penunaian BPR 2021 bagi pemohon yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara semasa tempoh pembayaran?**
- J: Tidak. Bagi individu yang bekerja / belajar / menetap / dipenjarakan / meninggal dunia di luar negara tidak layak untuk menerima BPR 2021.

C. KEMAS KINI WAKIL

10. S: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya maklumat wakil (nama / nombor pengenalan) yang telah didaftarkan berbeza semasa penunaian di BSN?

J: Sekiranya terdapat perbezaan nama tetapi nombor pengenalan wakil yang didaftarkan adalah betul, penunaian boleh dilakukan di BSN.

Sekiranya nombor pengenalan wakil yang didaftarkan berbeza dengan maklumat sedia ada, anda boleh membuat kemas kini maklumat wakil di Portal Rasmi BPR seperti berikut:

- i. Klik Log Masuk
- ii. Masukkan Nombor MyKad
- iii. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
- iv. Masukkan kata laluan
- v. Klik Menu Kemas Kini Maklumat Asas Pemohon
- vi. Kemas kini maklumat wakil

11. S: Kemas kini maklumat wakil telah dibuat pada Portal Rasmi BPR. Bilakah wakil berkenaan boleh hadir ke BSN untuk membuat penunaian?

J: Wakil yang telah dikemas kini / didaftarkan pada Portal Rasmi BPR 2021 boleh hadir ke BSN untuk membuat penunaian pada pembayaran fasa ketiga BPR 2021 iaitu bulan September 2021 (tarikh akan dimaklumkan kemudian).

12. S: Saya telah didaftarkan sebagai wakil bagi permohonan BPR 2021 ayah saya. Semasa permohonan, saya telah didaftarkan sebagai Cucu. Adakah saya boleh membuat Penunaian BPR 2021 di BSN kerana hubungan yang didaftarkan tidak tepat?

J: Sekiranya terdapat perbezaan hubungan di antara pemohon dan wakil yang didaftarkan, penunaian boleh dilakukan di BSN dengan syarat dokumen sokongan yang perlu dibawa dan hubungan wakil adalah seperti yang telah ditetapkan (rujuk jawapan bagi soalan 6).

13. S: Saya telah lulus BPR 2021, tetapi wakil yang saya daftarkan pada permohonan BPR 2021 telah meninggal dunia. Adakah saya boleh menukar maklumat wakil berkenaan?

J: Ya. Anda boleh menukarkan wakil yang baru dan tindakan kemas kini boleh dibuat di Portal Rasmi BPR (Rujuk Jawapan bagi Soalan 10).

14. S: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya pemohon / pasangan telah meninggal dunia dan wakil asal yang didaftarkan tidak boleh membuat penunaian BPR 2021 bagi pihak pemohon kerana mempunyai masalah kesihatan / hubungan / berada di luar negara?

J: Wakil asal yang masih hidup perlu memberi keizinan pertukaran kepada wakil baru. Wakil baru boleh membuat kemas kini maklumat wakil di Portal Rasmi BPR (rujuk Jawapan bagi Soalan 10). Hubungan wakil baru yang dibenarkan adalah terhad kepada pasangan / ibu / bapa / anak / adik-beradik / cucu kepada pemohon (rujuk jawapan bagi soalan 2).

15. S: Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan tidak mendaftarkan wakil, siapakah yang layak didaftarkan sebagai wakil?

J: Wakil yang layak didaftarkan adalah pasangan / anak yang wujud pada Bahagian B / C Borang BPR 2021.